

MODALITI SENI SEBAGAI PENGUKUH ASERTIF

Oleh

Adam Bin Sahimin

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat kesan penggunaan modaliti seni dalam sesi kaunseling. Pada biasanya dalam sesi kaunseling, pendekatan yang dilakukan adalah kaunseling bersemuka dengan menekankan kepada proses komunikasi lisan secara keseluruhannya. Pada kali ini, saya memilih untuk menggunakan modaliti seni kerana ingin merasai sendiri impak positifnya seperti mana yang digempar-gempurkan oleh pengamal kaunseling yang telah melaksanakannya. Proses kaunseling ini melibatkan empat sesi yang mengambil masa sekitar 20 minit hingga 45 minit dan melalui proses rakaman video. Kedua-dua sesi awal melibatkan klien melakukan aktiviti melukis manakala dua sesi seterusnya adalah sesi komunikasi biasa yang membincangkan lukisan yang telah dihasilkan. Aspek yang dianalisis sepanjang sesi adalah hasil lukisan klien, pergerakan tubuh ketika melukis, nada suara ketika bercakap, penggunaan bahasa dan juga elemen-elemen lain yang berlaku sepanjang sesi kaunseling seperti mimik muka, pergerakan bahu, jari, kaki dan anggota badan yang lain. Secara keseluruhannya saya mendapati sesi kaunseling yang melibatkan modaliti seni memberi kesan positif. Beberapa perkara yang menjadikan sesi ini berjalan lancar adalah minat klien dalam lukisan yang juga membantu dalam proses komunikasi pada fasa penerokaan.

1.0 Fokus Kajian

Saya, Adam Bin Sahimin telah menjalani praktikum dalam pengkhususan bimbingan dan kaunseling di sebuah sekolah sekitar Kuching selama 12 minggu. Bidang utama yang saya laksanakan adalah menyediakan perkhidmatan kaunseling, melaksanakan program bimbingan seperti kursus motivasi, kursus kepimpinan dan juga pengajaran dan pembelajaran (p&p) mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Selain itu, saya juga menjalankan tugas-tugas lain yang diamanahkan oleh pihak pentadbiran sekolah.

Chak (nama samaran) merupakan klien saya yang menjadi peserta kajian ini. Beliau adalah seorang murid Tahun 4 berumur 10 tahun yang dirujuk

oleh guru kelasnya. Keluarganya menjalankan aktiviti pertanian sebagai sumber pendapatan. Semasa sesi kaunseling dilaksanakan, hubungan saya dengan Chak cukup baik. Pada awalnya, Chak tidak selesa dan kurang berkomunikasi tetapi sejak sesi kaunseling yang kedua, dia semakin menunjukkan minat dalam sesi.

Kes yang dibincangkan dalam sesi ini adalah berkisar kepada sikap klien yang tidak berupaya mengatakan ‘tidak’ pada pengaruh persekitaran yang mengganggunya. Melalui perkongsian Chak, dia menyatakan dirinya sering diganggu oleh rakan-rakan dalam kelas mahupun rakan sama sekolah. Sebagai contoh, dia diugut supaya menyerahkan sejumlah wang dan juga dihasut supaya ponteng sekolah. Faktor inilah yang mengakibatkan dia dilabel oleh guru kelasnya sebagai murid yang bermasalah. Pada hakikatnya, Chak sedar tentang kesan dan akibat sikapnya itu.

1.1 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk meneroka penggunaan pendekatan modaliti seni dalam sesi kaunseling selain melihat impak atau kesan penggunaan modaliti seni terhadap Chak dalam sesi kaunseling.

1.2 Persoalan Kajian

- Bagaimana modaliti seni digunakan dalam sesi kaunseling dengan Chak?
- Apakah impak atau kesan penggunaan modaliti seni terhadap Chak dalam sesi kaunseling?

2.0 Perancangan Sesi Kaunseling

Perancangan melaksanakan sesi bermula sebaik sahaja saya mendapat maklumat daripada guru kelas Chak. Maklumat awal yang saya perolehi adalah berkaitan dengan sikapnya yang sering ponteng sekolah, tidak menyiapkan latihan yang diberikan oleh guru dan juga sering bermain dalam bilik darjah.

Perkara pertama yang saya lakukan adalah membuat pemerhatian terhadap Chak beberapa kali dalam tempoh dua hari. Hasil pemerhatian tersebut, saya mendapati klien ini akan bermain dengan rakan-rakannya sewaktu ketiadaan guru di dalam bilik darjah. Dalam masa yang sama, pada waktu p&p bersama guru, Chak memberi perhatian yang baik.

Dalam pelaksanaan sesi kaunseling pula, saya merancang untuk menjalankan sekurang-kurangnya 5 sesi kaunseling. Namun demikian saya hanya berjaya melaksanakan 4 sesi sahaja. Sesi kaunseling dijalankan di dalam bilik kaunseling dengan tempoh setiap sesi mengambil masa sekitar 30 minit hingga 45 minit. Kesemua sesi berlangsung semasa waktu persekolahan.

Oleh sebab isu yang dialami oleh Chak adalah berkaitan dengan sikap, saya merancang untuk menggunakan pendekatan Teori Tingkah laku. Salah satu sebab saya memilih teori ini adalah kerana beberapa teknik yang boleh diaplikasikan bagi mengubah tingkah laku yang tidak diingini. Teknik tersebut dinamakan sebagai ‘Peneguhan Positif’. Ianya dilaksanakan sebaik saja Chak berjaya melakukan tingkah laku positif. Sebagai contoh, sekiranya Chak tidak ponteng sekolah dalam tempoh dua minggu, maka ganjaran akan diberikan. Pengubahsuaian teknik yang dilaksanakan adalah penambahan sesi perkongsian saya dengan Chak pada setiap pagi untuk mengetahui perkara menarik yang dialami oleh Chak sepanjang minggu.

Selain itu, modaliti seni digunakan untuk meneroka pemasalahan Chak dalam sesi kaunseling. Terapi seni dipilih dalam kajian saya dan adalah berasaskan kepada beberapa kajian lepas tentangnya. Debbie Michaels (2007) dalam penulisannya menyatakan terapi seni adalah satu bentuk psikoterapi iaitu seni dan penghasilan imej yang memainkan peranan utama dalam perhubungan teraputik. Berdasarkan kepada proses tiga kaedah antara individu, imej dan terapis, hasil yang dicipta bertindak sebagai faktor utama dalam komunikasi. Individu dan proses menghasilkan imej lebih penting jika dibandingkan dengan produk yang dihasilkan. Namun demikian, tujuan utama terapi seni mengikut British Association of Art Therapists adalah untuk membolehkan individu tersebut berubah dan berkembang ke tahap yang lebih tinggi dengan menggunakan alat seni dalam suasana yang selamat dan persekitaran yang selesa.

Menurut Michaels (2007) lagi, terapi seni sangat membantu individu yang menghadapi kesulitan untuk berkomunikasi secara verbal, mengalami trauma ataupun mereka yang menghadapi perubahan mahupun penyesuaian. Gambar, warna dan bentuk boleh menceritakan perasaan dan pemikiran yang sukar untuk diterjemahkan dalam bentuk lisan. Bentuk komunikasi di luar sedar yang dihasilkan pada imej akan dapat dilihat bersama-sama dengan keadaan individu tersebut. Terapi seni juga boleh dianggap sebagai seni luahan ataupun psikologi seni, pendorong penerokaan diri dan perkembangan emosi. Ia melibatkan dua proses iaitu merangkumkan sekali hasil ciptaan dan maksud terhadap hasil yang dicipta.

Berasaskan kepada teori Freud dan Jung yang menekankan kepada alam separa sedar dan tidak sedar, terapi seni memberi andaian bahawa lambang visual dan imej adalah perkara yang lebih mudah diperolehi dan menjadi kebiasaan cara komunikasi tentang pengalaman manusia. Individu digalakkan untuk menggambarkan dan mencipta emosi dan pemikiran yang sukar bagi mereka untuk meluahkannya melalui lisan. Maksud hasil tersebut kemudiannya disemak dan ditafsirkan sendiri oleh individu tersebut.

3.0 Metodologi

Pengumpulan data kajian bermula dengan sumber maklumat yang diberikan oleh guru kelas. Maklumat awal yang saya perolehi adalah gambaran keseluruhan tentang sikap Chak yang suka ponteng sekolah, tidak menyiapkan latihan dan juga sering kali bermain dalam bilik darjah. Ini disusuli dengan kaedah pemerhatian yang saya lakukan beberapa kali dalam tempoh dua hari. Pemerhatian ini adalah untuk menyemak maklumat yang diberikan oleh guru kelas Chak.

Data yang seterusnya dikumpul semasa sesi kaunseling. Oleh sebab pendekatan yang digunakan adalah modaliti seni, maka maklumat awal yang diperolehi adalah berasaskan lukisan yang dihasilkan oleh Chak. Sepanjang sesi kaunseling berlangsung, pengumpulan data dan maklumat dilakukan dengan teliti. Setiap kata-kata klien semasa perkongsian, komunikasi lisan dan bukan lisan diambil kira. Catatan laporan sesi saya serta rakaman audio-visual/ gambar sesi dengan persetujuan Chak merupakan alat pengumpulan data saya dalam kajian ini.

Dalam melaksanakan proses menganalisis data pula, perkara utama yang diambil kira adalah perubahan lukisan yang dihasilkan oleh klien. Perbandingan antara lukisan pertama dan kedua dilakukan. Selain itu, pola perubahan dalam komunikasi lisan dan bukan lisan pada setiap sesi yang dijalankan juga direkodkan. Perubahan yang ingin dilihat adalah lebih kepada peningkatan ke arah positif pada tingkah laku Chak. Sebagai contoh, sikap malu dan tidak yakin berkomunikasi berubah kepada yakin dan bersemangat untuk berkongsi isu bersama.

4.0 Dapatan Kajian

4.1 Latar Belakang Subjek Kajian

- | | | |
|-------------------------|---|---|
| a. Nama | : | Chak |
| b. Jantina | : | Lelaki |
| c. Umur | : | 10 tahun |
| d. Cara menghadiri sesi | : | Dirujuk (Guru kelas mencadangkan Chak menjalani sesi kaunseling kerana masalah sikap) |
| e. Latar belakang | : | Chak berasal daripada keluarga yang menjalankan kegiatan pertanian sebagai sumber utama pendapatan. Dia merupakan anak keempat daripada lima beradik. |

4.2 Dapatan Sesi Kaunseling

4.2.1 Sesi Kaunseling 1

Sesi kaunseling pertama berlangsung pada waktu pagi dan mengambil masa 35 minit. Hasil lukisan pertama bertajuk 'Sedih' seperti yang ditunjukkan pada Gambar 1.



Gambar 1. Hasil lukisan/luahan Chak pada sesi pertama (sesi membina hubungan)

Gambaran yang dapat dilihat adalah wajah seorang yang sedih. Berdasarkan luahan Chak, tema sedih ini dipilih kerana dia sering dimarahi guru dalam bilik darjah. Menurut Chak, penggunaan warna tidak melambangkan kepada sebarang perasaannya. Dia hanya memilih warna tersebut kerana meminatinya. Dalam hasil lukisan ini, lima warna dikenal pasti iaitu hijau, coklat, hitam, ungu dan juga merah.

Hasil penerokaan mendapati bahawa Chak sedih dimarahi guru kerana seringkali gagal menyiapkan latihan yang diberikan, ponteng sekolah dan bermain dalam bilik darjah. Setiap permasalahan yang dikemukakan diteroka dengan teliti. Hasil penerokaan secara menyeluruh membawa kepada kesedaran Chak bahawa semua masalah yang timbul disebabkan oleh sikapnya sendiri. Namun demikian, Chak tidak menyalahkan dirinya sepenuhnya. Dia memberikan beberapa sebab yang mendorong timbulnya keadaan dimarahi guru dan sebab paling utama adalah pengaruh rakan-rakannya.

Sepanjang sesi ini, Chak masih kurang berkomunikasi. Mungkin ini adalah kerana ini merupakan kali pertama Chak menjalani sesi kaunseling dengan saya. Terdapat beberapa kali Chak hanya mengangkat bahu ataupun menggelengkan kepala.

4.2.2 Sesi Kaunseling 2

Sesi kaunseling kedua berlangsung pada waktu pagi selepas rehat. Ia berlaku seminggu selepas sesi yang pertama dijalankan. Tempoh sesi hanya 30 minit. Hasil lukisan kedua membawa tema 'Bergembira dan Bersedih' seperti yang ditunjukkan pada Gambar 2.




Gambar 2: Hasil lukisan pada sesi kedua

Lukisan ini merupakan lanjutan daripada hasil sesi kaunseling pertama. Ia seterusnya melibatkan fasa penerokaan, membina matlamat dan penetapan strategi. Dalam sesi ini, Chak meluahkan lima keadaan yang sering dialaminya. Kesemuanya mempunyai kaitan antara satu sama lain. Tiga daripada keadaan tersebut mewakili perasaan sedih dan dua lagi menggambarkan kegembiraan. Namun kelima-lima hasil lukisan tersebut menjurus kepada kelalaian Chak menyiapkan latihan sekolah yang diberikan.

Kaitan antara gambar pertama dengan kedua adalah kesinambungan perasaan Chak yang sedih kerana sering dimarahi guru. Chak menceritakan bahawa perkara yang menjadi penyebab dia sering dimarahi adalah pengaruh rakan dalam kelas.

Pada awal sesi kedua ini, Chak memilih isu yang bertajuk ‘Kawan-kawan yang selalu peras ugut’ seperti yang ditunjukkan pada Gambar 3.



Gambar 3: Sebahagian daripada lukisan yang dihasilkan dalam sesi kedua

Keadaan ini berlaku dalam dua keadaan iaitu di dalam bilik darjah dan juga di luar kawasan sekolah. Walau bagaimanapun Chak menyatakan bahawa dia lebih banyak diganggu di dalam bilik darjah. Dalam pada itu, individu

yang terlibat hanya beberapa orang sahaja. Itu pun murid dari bilik darjah bersebelahan.

Semasa perkongsian, perkara awal yang Chak ceritakan adalah tindakan dua orang rakan yang mengugutnya untuk memberikan wang sebanyak RM20.00. Namun demikian, dia tidak pernah memenuhi kehendak mereka. Selain di dalam kawasan sekolah, Chak juga sering diugut di luar kawasan sekolah. Chak menceritakan bagaimana pada satu hari, dia dan rakan-rakan yang lain mencari besi terbuang dan menjualnya di pusat membeli barang terpakai. Rakannya yang sering mengugutnya meminta wang tersebut. Oleh sebab diugut dan berasa takut, dia menyerahkan sejumlah wang hasil usaha mereka menjual barang terpakai tersebut.


Dalam sesi kedua ini, Chak juga menceritakan bahawa dia kerap diganggu oleh rakan-rakan yang lain di dalam bilik darjah. Apabila diajukan soalan bagaimana dia diganggu, Chak menjawab dengan menyatakan tindakan rakan-rakannya mengajak dia bermain bersama. Chak pernah menolak pelawaan rakan-rakannya menyebabkan dia diugut dengan kata-kata bahawa mereka tidak akan berkawan dengannya lagi. Keadaan ini menimbulkan perasaan serba salah dalam diri Chak. Oleh sebab tidak mahu kehilangan kawan, maka Chak menuruti pelawaan mereka. Kedua-dua situasi yang Chak alami telah membawa kepada kesan hilang tumpuan untuk belajar dan gagal menyiapkan latihan yang guru berikan. Akhirnya Chak sering dimarahi, dirotan, dicubit, didenda berdiri di luar bilik darjah dan sebagainya.

Pada penghujung sesi ini, Chak sedar kesilapan yang dia lakukan. Semuanya bermula daripada sikapnya sendiri. Chak juga dapat merasai keinginan untuk memperbaiki diri. Namun demikian, sikapnya yang tidak yakin dan berani untuk mengatakan tidak menjadi penghalang utama. Namun demikian, Chak akhirnya berazam untuk menguatkan semangat untuk memberanikan diri mengatakan tidak apabila dipelawa oleh rakan-rakannya. Pada masa yang sama juga Chak berazam untuk menyiapkan semua latihan yang guru berikan. Dalam pada itu juga, Chak mendapat idea untuk menangkis pelawaan mereka dengan baik. Ide yang dimaksudkan adalah kata-kata seperti "*Saya siapkan dahulu kerja saya baru kita main*". Chak menetapkan tempoh seminggu untuk melihat kesan idea tersebut.

Pada pengamatan saya, apabila membuat perbandingan sesi kaunseling pertama dengan sesi kaunseling kedua, Chak sudah mula memperoleh keyakinan dalam perkongsian. Komunikasi lisan Chak sudah semakin lancar. Chak juga sudah jarang menggelengkan kepala dan mengangkat bahu.

4.2.3 Sesi Kaunseling 3

Sesi kaunseling ketiga berlangsung selama 30 minit iaitu pada waktu akhir persekolahan. Jarak tempoh sesi ini dengan sesi kedua adalah kurang daripada seminggu. Perkongsian dalam sesi ketiga ini berkisar tentang isu ‘Selalu dalam bahaya’ dan ditunjukkan pada Gambar 4.



Gambar 4: Sebahagian daripada lukisan sesi kedua. Isu ini dipilih oleh klien dalam sesi kaunseling ketiga.

Chak membawa isu ini kerana isu ini turut menjadi salah satu penyebab dia dimarahi guru. Basikal yang dilukis melambangkan keadaannya pada setiap pagi mengayuh basikal ke sekolah manakala tulisan *selalu dalam bahaya* menggambarkan situasi yang dialaminya apabila digangu oleh rakan-rakannya yang nakal. Malah, rakan-rakan inilah yang selalu mengganggu Chak di dalam bilik darjah.

Selain itu, Chak juga berhadapan dengan beberapa keadaan yang mengganggunya semasa dalam perjalanan ke sekolah. Chak kerap digangu dan diugut oleh seorang murid Tahun 6 yang terkenal dengan sikap nakalnya di sekolah. Chak diugut oleh murid tersebut supaya ponteng sekolah. Pada awalnya, Chak enggan menurut ugutan murid tersebut. Namun demikian, ugutan yang dikeluarkan disusuli oleh tindakan muh mencederakan Chak menyebabkan dia terpaksa menurut. Menurut Chak, sepanjang waktu bersama dengan murid ini, perkara yang dilakukan hanyalah bermain basikal sekitar kawasan kampung.

Chak sedar kesan buruk akibat ponteng sekolah. Dia juga muh mengelakkan diri daripada melakukan perkara yang merugikan itu. Namun demikian, Chak tidak berani untuk berhadapan dengan tindakan rakannya tadi, malah takut untuk mengatakan tidak.

Sesi kaunseling ketiga ini menunjukkan suasana yang lebih mesra. Chak berkongsi isunya dengan penuh yakin. Namun demikian, beliau masih menyimpan keimbangan terutamanya apabila berhadapan dengan murid Tahun 6 tersebut.

4.2.4 Sesi Kaunseling 4

Sesi keempat ini merupakan tempoh yang singkat. Ia hanya mengambil masa kurang daripada 20 minit. Chak datang lewat pada sesi ini. Dalam sesi kaunseling keempat ini, Chak menggabungkan tiga situasi yang dialaminya seperti yang ditunjukkan pada Gambar 5, 6 dan 7.



Gambar 5, 6 dan 7: Keratan-keratan ini merupakan isu yang dibincangkan serentak pada sesi kaunseling keempat.

Antara dua daripada situasi tersebut memberikan kegembiraan kepada Chak. Namun demikian, kesan yang dialaminya adalah negatif. Chak menyatakan bahawa ketiga-tiga perkara tersebut melalaikannya menyiapkan latihan yang diberikan dan juga menyebabkannya ponteng sekolah terutamanya kelas tambahan waktu petang.

Gambar 5 menceritakan Chak selalu kehilangan wang di rumahnya. Chak menyatakan bahawa dia meletakkan wang tersebut di dalam beg duitnya dan menyedari wang tersebut hilang tanpa disedari. Dia juga tidak mengesyaki orang yang mengambilnya. Keadaan ini menyebabkan dia dan rakan-rakannya terpaksa mencari besi lusuh untuk dijual bagi mendapat semula wang. Kesannya Chak akan keletihan pada waktu malam dan hilang semangat untuk membuat latihan yang diberikan.

Gambar 6 dan gambar 7 membawa kepada kesan negatif. Gambar 6 berlaku apabila Chak bersama-sama abang dan adiknya seronok menonton televisyen sehingga lalai dan lupa menyiapkan latihan yang diberikan. Manakala gambar 7 juga membawa kesan yang sama. Chak dan rakan-rakannya seronok bermain *permainan 3 selipar* sehingga lalai dan leka untuk menghadiri kelas tambahan pada waktu petang.

Sesi kaunseling ini merupakan pertemuan terakhir saya dengan Chak walaupun sebenarnya masih berbaki satu atau dua sesi. Chak tidak hadir tiga hari secara berturut-turut pada penghujung tempoh praktikum. Tindakan

yang saya lakukan adalah merujuk Chak kepada guru bimbingan untuk tujuan sesi lanjutan.

5.0 Perbincangan dan Rumusan Kajian

Secara keseluruhan, penggunaan modaliti seni dalam sesi kaunseling ini boleh dianggap berjaya. Ini kerana pendekatan ini telah membantu Chak membuat perkongsian dengan lebih baik dan terancang. Buktinya pada setiap sesi, Chak dengan mudah memulakan isu. Di samping itu, Chak juga sentiasa mengingati perkara-perkara yang dibincangkan pada sesi-sesi sebelumnya.

Maklum balas Chak terhadap modaliti ini juga sangat baik. Chak merupakan seorang yang suka melukis. Oleh itu, modaliti ini banyak membantunya dalam proses meluahkan perasaannya. Pada masa yang sama, modaliti ini membantu Chak mengenal pasti beberapa perkara yang menghalangnya menangani masalah tersebut. Punca utama adalah sikap tegas diri yang tidak teguh. Chak sering kali gagal mengawal arah diri yang hendak ditujunya walaupun pada asalnya menyedari kesan negatif tindakannya.

Lukisan yang dihasilkan oleh Chak juga banyak membantunya dalam menilai dirinya secara keseluruhan. Keadaan ini dapat dilihat daripada penerokaan dan luahan sesi ke sesi yang seterusnya. Chak lebih mudah mengimbas semula hasil perbincangan sesi sebelumnya menerusi lukisan yang diciptanya.

5.1 Perbincangan Teori Yang Digunakan

Pelaksanaan kajian kes menggunakan modaliti seni ini menggabungkan beberapa teori kaunseling. Tujuannya adalah untuk mendapatkan keberkesanan komunikasi sepanjang sesi berlangsung. Selain itu, ia juga bertujuan untuk membina kepercayaan dan keyakinan Chak terhadap pelaksanaan sesi.

5.1.1 Teori Pemusatan Insan (Carl Rogers)

Aspek suasana penerimaan secara aman, tenteram, saling memahami dan mewujudkan hubungan yang erat antara saya dengan Chak selaku klien adalah selaras dengan konsep utama teori ini iaitu penerimaan tanpa syarat. Ini dilakukan untuk mendapatkan kerjasama Chak sepanjang sesi memandangkan modaliti seni yang diguna belum dikuasai sepenuhnya. Pelaksanaan konsep ini telah memberikan kesan positif sepanjang sesi berlangsung. Melalui reaksi dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Chak, ternyata dia dalam keadaan yang sangat selesa sepanjang sesi. Selain itu, tindakan saya memberi layanan kepada Chak di luar sesi kaunseling juga banyak membantu meningkatkan keyakinan Chak menjalani sesi kaunseling.

5.1.2 Teori Tingkah laku

Dalam teori ini, terdapat satu teknik yang dinamakan peneguhan positif yang telah digunakan dalam sesi kaunseling ini. Teknik ini menceritakan bagaimana seseorang akan diberikan ganjaran seperti wang dan alat tulis sekiranya dapat membentuk tingkah laku yang diingini. Dalam sesi kaunseling ini, pemberian sebuah buku telah dilakukan kerana Chak berjaya hadir ke sekolah sepanjang seminggu. Begitu pemberian sebuah buku dan pen kepada Chak kerana menyiapkan semua latihan yang diberikan dalam tempoh dua minggu. Pelaksanaan konsep ini telah memberikan impak positif terutamanya dalam meningkatkan semangat Chak untuk hadir ke sekolah setiap hari dalam tempoh seminggu. Namun demikian, ukuran untuk melihat kesan yang melibatkan sikap menyiapkan latihan tidak diperolehi kerana tempoh yang ditetapkan melangkaui tempoh praktikum.

6.0 Cabaran dan Masalah Kajian

Usaha untuk merakamkan sesi dalam bentuk video mengalami kesulitan khususnya ketika menggunakan alat perakam atau kamera. Sebelum sesi kaunseling dijalankan, persiapan rapi telah dilakukan termasuklah memastikan alat perakam yang digunakan sentiasa dalam keadaan baik. Walau bagaimanapun, masalah teknikal tidak selalunya dapat dijangka. Sesi kedua dalam kajian ini tidak dapat dirakam kerana kegagalan kamera untuk berfungsi.

Warna yang digunakan oleh klien semasa menjalani sesi tidak melambangkan sebarang makna kerana pemilihan warna yang dilakukan hanya berdasarkan kepada warna yang digemari. Sebagai contoh, respon yang diterima berdasarkan soalan, “Kamu telah menggunakan warna ungu dalam keseluruhan lukisan kamu. Apa yang menyebabkan kamu memilih warna ini?” Respon yang diperolehi Chak adalah “Saya suka warna ini”. Kemungkinan besar Chak tidak memahami maksud di sebalik penggunaan warna dalam mentafsirkan perkara dalaman seseorang.

Kegagalan Chak untuk menghadiri sesi kaunseling yang kelima iaitu sesi penamatian atau rumusan menyebabkan perkembangan beliau tidak dapat dinilai atau dianalisis selepas berlalunya sesi keempat.

7.0 Kesimpulan

Proses kaunseling menggunakan pendekatan modaliti seni dengan Chak selaku klien melibatkan empat sesi yang mengambil masa sekitar 20 minit hingga 45 minit. Kedua-dua sesi awal melibatkan klien melakukan aktiviti melukis manakala dua sesi seterusnya adalah sesi komunikasi biasa yang membincangkan lukisan yang telah dihasilkan. Aspek yang dianalisis sepanjang sesi adalah hasil lukisan klien, pergerakan tubuh ketika melukis, nada suara ketika bercakap, penggunaan bahasa dan juga elemen-elemen

lain yang berlaku sepanjang sesi kaunseling seperti mimik muka, pergerakan bahu, jari, kaki dan anggota badan yang lain.

Secara keseluruhannya, saya mendapati sesi kaunseling yang melibatkan modaliti seni memberi kesan positif kepada klien. Lukisan yang dihasilkan oleh klien banyak membantunya dalam menilai dirinya secara keseluruhan yang mana berlaku penerokaan dan luahan sesi ke sesi yang seterusnya. Klien lebih mudah mengimbas semula hasil perbincangan sesi sebelumnya menerusi lukisan yang diciptanya. Namun, tidak dinafikan terdapat kekangan modaliti seni seperti dari segi kefahaman tentang maksud warna oleh klien. Justeru, kemahiran saya dalam memahami maksud di sebalik warna atau objek yang dilakarkan perlu didalami untuk menjadikan modaliti seni lebih bermakna dalam sesi kaunseling.

Bibliografi

Michaels, D. (2007). *Case study: The role of art therapy as a potential space for the processing of psychological and physical experience following stroke.*

Assesment and Rehabilitation Centre (ARC). Sheffield South West PCT Intermediate Care Services.

Moschini, L.B. (2005). *Drawing the line: Art Therapy with the difficult client.* New Jersey: Hoboken.

Ibrahim Ahmad. (2002). *Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah rendah.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.